

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen CIMB foodpanda FPX

1. Kempen CIMB foodpanda FPX ("**Kempen**") adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB**").

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 1hb Oktober 2022 hingga 31hb Disember 2022, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. Kempen akan dibahagi kepada tiga (3) kitaran ("**Kitaran Kempen**") sepanjang Tempoh Kempen:
 - i. Kitaran Kempen 1: 1hb Oktober 2022 – 31hb Oktober 2022;
 - ii. Kitaran Kempen 2: 1hb November 2022 – 30hb November 2022; dan
 - iii. Kitaran Kempen 3: 1hb Disember 2022 – 31hb Disember 2022.
4. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan empat belas (14) hari kalendar notis terdahulu.

Kelayakan

5. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Kempen ini adalah terbuka kepada semua individu yang mempunyai suatu akaun CIMB Clicks ("**Peserta Layak**").
6. Individu-individu/entiti-entiti yang berikutnya TIDAK akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini:-
 - (a) Rakan kongsi, organisasi/pertubuhan amal/tidak beruntung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; dan/atau
 - (b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai dalam Kempen ini, Peserta Layak memberi representasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu-individu/entiti-entiti yang dinyatakan dalam Klausula ini.

Hadiah Kempen & Kriteria Penyertaan

7. Hadiah yang berikut ("**Hadiah**") akan disediakan kepada Pemenang (seperti yang ditakrifkan di Klausula 12 di bawah) bagi Kempen ini:-

Kitaran Kempen	Hadiah	Bilangan Pemenang
Kitaran Kempen 1	e-baucar foodpanda RM10	4,000
Kitaran Kempen 2		4,000
Kitaran Kempen 3		4,000
Jumlah Pemenang sepanjang Tempoh Kempen		12,000

8. Untuk memenangi Hadiah dalam Kempen ini, Peserta Layak mestilah melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi FPX dengan minimum perbelanjaan sebanyak Ringgit Malaysia

Sepuluh (RM10) bagi setiap transaksi dalam aplikasi mudah alih foodpanda melalui CIMB Clicks dalam suatu Kitaran Kempen tunggal ("**Transaksi Layak**").

9. Transaksi FPX yang dilakukan oleh Peserta Layak semasa suatu Kitaran Kempen tertentu hanya akan diambil kira untuk Kitaran Kempen tersebut dan tidak boleh diambil kira dalam Kitaran Kempen yang seterusnya.
10. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa apa-apa penentuan oleh CIMB tentang apa yang merupakan Transaksi Layak adalah muktamad, terikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau tidak saksama.
11. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan kepada tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Malaysia seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.

Pemilihan Pemenang

12. Dalam setiap Kitaran Kempen, empat ribu (4,000) Peserta Layak pertama yang melakukan Transaksi Layak akan menerima Hadiah ("**Pemenang**").
13. Peserta Layak akan berhak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja bagi setiap Kitaran Kempen.

Pemenuhan Hadiah

14. Akaun CIMB Clicks Peserta Layak MESTILAH tidak (a) memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat di sini dan/atau perjanjian yang mengawal akaun CIMB Clicks; DAN (b) ditamat atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen atau sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan Hadiah akan ditarik balik.
15. CIMB akan memaklumkan Peserta Layak untuk membuka suatu "kotak hadiah" melalui pengumuman komunikasi elektronik di CIMB Clicks Messenger setelah Peserta Layak melakukan Transaksi Layak dan Hadiah akan diberikan dengan serta merta kepada Pemenang dalam bentuk kod e-baucar tertakluk kepada maksimum empat ribu (4,000) Pemenang bagi setiap Kitaran Kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausula 12.
16. Hadiah mestilah ditebuskan dalam tempoh sah yang ditetapkan oleh Pemenang, jika tidak Hadiah mungkin akan ditarik balik oleh penyedia berkenaan secara automatik tanpa notis dan Pemenang tidak akan layak untuk menebus Hadiah dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengganti Hadiah tersebut kepada Pemenang dalam apa-apa keadaan.
17. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa individu dan/atau entiti lain dan tidak boleh diganti untuk apa-apa jenis ganjaran kredit atau sampling.
18. Hadiah adalah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penyedia tersebut dan CIMB tidak

bertanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul berhubung dengan Hadiah, walaupun CIMB telah dinasihatkan mengenai kemungkinan ganti rugi sedemikian, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata.

19. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau endorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, bagi Hadiah. CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian akibat penggunaan Hadiah.
20. CIMB tidak akan melayan apa-apa aduan yang berkaitan dengan Hadiah. Hadiah tidak disahkan oleh CIMB dan tidak dalam apa-apa keadaan bahawa kemasukan Hadiah dalam Kempen ini akan dianggap sebagai endorsmen atau cadangan yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berhubung dengan Hadiah adalah hanya untuk membayar harganya kepada penyedia berkenaan.
21. Semua kos, fi, dan/atau perbelanjaan ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkenaan dengan Kempen dan/atau penuntutan dan/atau penebusan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
22. Dengan menerima Hadiah, Pemenang bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutunya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen mereka masing-masing daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkenaan dengan:-
 - (a) penyertaan Pemenang dalam Kempen; atau
 - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Pemenang.
23. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

24. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Peserta Layak akan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedah data peribadinya menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
25. CIMB merizabkan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses kemasukan atau bertindak memungkirinya atau berpotensi untuk memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. CIMB merizabkan hak untuk mengganti Hadiah dengan benda lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjut, memendek, menghenti, membatalkan, menamat atau menggantung Kempen ini dengan memberi empat belas (14) hari kalendar notis terdahulu kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan,

- penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Layak atau sesiapa orang lain jua untuk menuntut atau membayar pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak di sini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara jua bertanggungjawab atau dipertanggungjawab kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ("*act of God*") atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
 28. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sesiapa Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian atau ganti rugi dalam apa-apa sifat jua dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak) macam mana jua berbangkit, berkenaan dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini atau kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau e-mel oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
 29. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada menambah, memadam, mengubah, meminda atau sebaliknya jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak yang berkenaan dengan Pindaan akan dikuatkuasakan atas budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara pemberitahuan yang berikut, iaitu, (a) melalui pengumuman komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my; atau (b) melalui mel elektronik; atau (c) melalui SMS kepada nombor telefon bimbit Peserta Layak; atau (d) dengan memaparkan suatu iklan berkenaan dengan Pindaan dalam satu (1) surat akhbar yang dipilih oleh CIMB; atau (e) dengan apa-apa cara pemberitahuan yang CIMB boleh memilih dan Pindaan akan dianggap mengikat dengan Peserta Layak pada akhir tempoh notis yang dinyatakan di Klausula ini atau dari tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
 30. Tiada pampasan dalam tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
 31. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 29) akan mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun semasa dan simpanan CIMB yang hendaklah digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

32. CIMB tidak akan terima tanggungjawab bagi apa-apa implikasi cukai yang mungkin berbangkit daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau pembayaran cukai yang dikenakan kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah kekal tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia merupakan tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai kemungkinan implikasi ini terhadap keadaan kewangannya sendiri.
33. CIMB merizabkan hak untuk menerbit atau memapar nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam kaedah ia anggap sesuai. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Pemenang di sini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB akan pada kebebasannya menerbit dan/atau memapar bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan bagi Klausula ini mungkin akan mengakibatkan Pemenang berlainan dipilih.
34. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada aplikasi mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang digubal atau dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau digunapakai kepada Kempen ini atau apa-apa perkara di sini.
35. Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsisten, konflik, ketaksaan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan digunapakai. Walaupun yang disebut sebelumnya, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan diambil maklum dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia bagi Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Layak, lalu versi Bahasa Malaysia bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai.
36. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faks, dan alamat e-mel yang berikutnya (atau mana-mana alamat, nombor-nombor telefon dan faks atau alamat e-mel lain yang CIMB boleh mengubah dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan kepada Peserta Layak):-

Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan

Tel: +603 6204 7788
Faks: +03 2619 3248
Alamat e-mel: cru@cimb.com